



KERJASAMA...Barisan kakitangan Taman Seri Puteri dan sebahagian pelajar Kejuruteraan Awam UMS.

## Pelajar tahun keempat UMS bekerjasama tubuh Perpustakaan Mini Taman Seri Puteri

NST 24.11.2013 9

KOTA KINABALU: Pelajar tahun keempat dalam bidang Kejuruteraan Awam Universiti Malaysia Sabah (UMS) dengan kerjasama Lembaga Pelawat Taman Seri Puteri Kota Kinabalu dan Dawama berjaya mewujudkan Perpustakaan Mini Taman Seri Puteri.

Timbalan Dekan Akademik, Sekolah Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat UMS Dr. Nurmin Bolong berkata, program itu disertai seramai 12 pelajar yang begitu komited membantu

masyarakat.

"Program bertemakan "Go Green" ini dijalankan secara berperingkat-peringkat sejak 1 Oktober lepas iaitu mengutip derma buku, menyusun atur dan menghias kawasan perpustakaan mini.

"Antara buku yang dimuatkan di dalam perpustakaan mini itu adalah buku-buku berkaitan ilmiah dan juga kemahiran insaniah," katanya.

Majlis penyerahan Perpustakaan Mini itu diadakan di Taman Seri Puteri Kota

Kinabalu, di sini, baru-baru ini.

Nurmin berkata, program itu antaranya adalah bertujuan memupuk nilai kasih sayang dan rasa tanggungjawab terhadap masyarakat serta menyemai sikap cinta akan buku dan menerap budaya membaca.

Beliau berharap program seumpama ini dapat diteruskan pada masa akan datang untuk manfaat masyarakat terutamanya mereka yang memerlukan.